

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini 5,000 daripada 10,000 peserta Program Akhir Zaman Miskin (1AZAM) yang dikatakan berpotensi untuk dibantu bagi mendapat pembiayaan lebih besar untuk melebarkan perniagaan mereka.

## **JAWAPAN:**

Program 1AZAM telah memberi kesan positif terhadap peserta-peserta yang mengikuti program ini, khususnya penjanaaan pendapatan tambahan kepada keluarga daripada aktiviti ekonomi yang dijalankan. Hingga 31 Ogos 2014 seramai 163,213 orang peserta telah menyertai Program 1AZAM di seluruh negara.

Kerajaan mempunyai perancangan untuk membantu peserta program 1AZAM yang telah berjaya meningkatkan pendapatan untuk melangkah ke tahap yang lebih maju dalam perniagaan. Inisiatif ini nanti akan mengambil kira "*what's next*" dalam memastikan kelangsungan penjanaaan pendapatan oleh peserta 1AZAM.

Inisiatif baru yang bakal dilaksanakan terdiri dari dua jenis bentuk bantuan iaitu jenis kewangan secara mikro kredit dan bukan kewangan. Jenis kewangan adalah berbentuk pembiayaan kewangan dan bukan kewangan adalah seperti kursus "*up skilling*" dan lain-lain yang berkaitan.

Berdasarkan statistik daripada pengkalan data eKasih, Jabatan Perdana Menteri hingga bulan Februari 2014 terdapat seramai **17,908 orang**

peserta Program 1AZAM berpotensi untuk dibantu bagi melebarkan  
perniagaan mereka melalui inisiatif baru ini nanti.